

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HSM 210 - Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. "Unsur-unsur geografi seperti lokasi, angin monsun, pelabuhan semulajadi merupakan penentu utama yang menyumbang kepada keagungan Melaka sepanjang abad ke-15." Bincangkan.
2. "Dasar-dasar kerajaan penjajah Britishlah yang menyebabkan pembentukan masyarakat berbilang kaum di Semenanjung Malaysia." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan ini?
3. Bandingkan sebab-sebab pengasasan kuasa penjajahan Barat antara Negeri-Negeri Melayu dan Borneo Utara (Sabah) pada penghujung abad ke-19.
4. "Sektor industri perlombongan dan **bukan** pertanian perdagangan yang lebih memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi Malaysia pada awal abad ke-20." Bahaskan.
5. Sejauh manakah modal, keusahawanan, dan tenaga buruh orang Cina telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Borneo Utara British (Sabah) pada zaman sebelum tahun 1941?
6. "Sikap acuh tak acuh terhadap persekolahan formal di kalangan bumiputera Malaysia pada zaman penjajahan mengakibatkan kadar buta huruf yang tinggi di kalangan mereka." Sejauh manakah anda menyokong pendapat sedemikian?
7. Bincangkan dasar ekonomi pentadbiran Jepun pada zaman pendudukan Jepun (1941-1945) **sama ada** di Tanah Melayu **atau** di Sarawak.